

>>39 kes SPAD dengan 23 daripadanya belum selesai babitkan 13 aduan dan 10 tangkapan

METRO AHAD

# ADA 91 SAMAN

Lima waran tangkap dikeluarkan terhadap drebar



KEADAAN bas yang terbabit dalam kemalangan maut di Kilometer 137.3 Lebuhraya Utara-Selatan arah utara, berhampiran Kampung Jayor, Pagoh, semalam.

Kuala Lumpur

## Najib ucap takziah

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa kemalangan maut di Kilometer 137.3, Lebuhraya Utara Selatan arah utara, dekat Kampung Jayor, Muar, semalam. "Innalillah. Sedih

dengan berita tragedi bas di Johor yang ragut 14 nyawa. Takziah kepada keluarga mangsa, saya doakan yang cedera kembali sembuh insya-Allah," katanya dalam catatan di laman Twitter beliau, semalam.

Kuala Lumpur

## Lesen pengendali digantung

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menggantung lesen pengendali dan permit bas Goldstar Express (M) Sdn Bhd berkuat kuasa serta-merta bagi memudahkan siasatan bas ekspres Alison Golden Coach milik syarikat itu yang terbabit dalam kemalangan maut di Kilometer 137, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah utara, berhampiran Kampung Jayor, Pagoh, semalam.

terhadap kemalangan meragut 14 nyawa dan 16 cedera itu dilaksanakan berikutan mengambil kira keselamatan penumpang. Suruhanjaya itu dalam kenyataan semalam berkata, selain itu tindakan demikian bagi memudahkan siasatan bersepadu membabitkan pelbagai agensi yang diketuai Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) manakala agensi itu menyiasat sebarang pelanggaran terhadap Kod

Senarai mangsa terbunuh	
1) Mohd Hisham Wahab	34
2) Nor Saidatul Akmal Idris	21
3) Suriyah Abd Hanif	36
4) Faridah Tamron	Warga Singapura
5) Palani Govindasamy	32
6) V Renugah	26
7) Nur Amira Izzaty Mohd Razip	22
8) Abdullah Hadi Yusof	Warga India
9) Wong Koh Chan	32
10) Zakeer Zubir	32, Pemandu bas
11) Nur Natasya Zahara Zakeer	1, Anak kepada pemandu bas
12) Au Poi Kiew	38
13) Hamimah Mammu	42, Warga Singapura
14) Hazimah Mustafa	Warga Singapura

Senarai nama mangsa cedera (sehingga 7.15 malam)	
1. Muhammad Hilmi	Warga Singapura <i>Cedera di bahagian belakang</i>
2. Mustafa Yasin	Warga Singapura <i>Patah kaki kanan dan tangan kanan</i>
3. Muhamad Juhaify	<i>Dibenarkan keluar wad dan sudah membuat laporan polis</i>
4. Muhammad Syafiq	<i>Dibenarkan keluar wad dan sudah membuat laporan polis</i>
5. Zaw Oo	Warga Myanmar <i>Patah lengan kanan</i>
6. Mohamed Taufik	<i>Dibenarkan keluar wad dan sudah membuat laporan polis</i>
7. Alifah Mohd Said	Warga Singapura <i>Patah kaki kiri dan tangan kiri serta mengalami retak leher</i>
8. D Cyril Joseph	33 <i>Patah leher, kaki kiri dan tangan kanan</i>
9. R. Nagadevan	<i>Kecederaan mulut dan kaki serta patah bahu</i>
10. Mohd Syed	Warga Singapura <i>Kecederaan leher &amp; patah kaki kiri</i>
11. Ral Za Uk	Warga Myanmar <i>Dibenarkan keluar wad dan sudah membuat laporan polis</i>
12. Kesavan	<i>Patah kedua-dua paha</i>
13. Govinda Raj	Warga Singapura <i>Cedera di leher dan tangan kiri</i>
14. Muhammad Abdullah	<i>Patah bahu kanan</i>
15. Muhammad Fitri Mohamed	Warga Singapura <i>Patah tangan kanan</i>
16. Miyarseh	Warga Indonesia <i>Patah kaki kiri</i>



Muar  
metro Awad  
28/12/16  
MS-6

**B**as ekspres yang terbabit dalam kemalangan meragut 14 nyawa di Kilometer 137.3 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah utara, berhampiran Kampung Jayor, Pagoh, dekat sini, mempunyai 52 saman polis dan 39 saman Suruhanjaya Pengangkutan Awam Malaysia (SPAD).

Sumber memberitahu, berdasarkan pemeriksaan rekod, bas ekspres itu mempunyai 39 kes SPAD dengan 23 daripadanya belum selesai membabitkan 13 kes aduan dan 10 kes tangkapan.

Menurutnya, antara kesalahan dilakukan termasuk aduan (Wi-

layah Utara) berkaitan tidak mematuhi jadual perjalanan, kesalahan tidak mematuhi had laju, kesalahan meninggalkan penumpang, menurun dan mengambil penumpang di tempat tidak dibenarkan dan disiplin pemandu termasuk merokok di dalam bas.

"Selain itu, pemandu bas berkenaan melakukan kesalahan tatakelakuan seperti merokok di dalam bas.

"Pemandu juga didapati memandu secara bahaya dengan lima waran tangkap di Wilayah Tengah membabitkan tiga kesalahan tidak mempamerkan Salinan Lesen Pengendali/Jadual Tambang/Jadual Perjalanan dan dua kesalahan tidak mematuhi jadual tambang dan perjalanan.

"Mereka melakukan kesalahan kerana menuntut/mengutip/memegang/menyimpan tambang melebihi kadar ditetapkan serta menurunkan penumpang di tempat tidak dibenarkan," katanya.

## Kejadian pertama

**Muar:** Kemalangan bas ekspres mengorbankan 14 nyawa di kilometer 137.3 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) semalam didakwa kejadian pertama membabitkan bas kelolaan syarikat berkenaan.

Ketua Penyelia Syarikat Bas Goldstar (M) Sdn Bhd Wilayah Selatan Steven Chong berkata, sepanjang 30 tahun beroperasi tidak pernah sekali pun bas berkenaan terbabit kemalangan.

"Sebelum ini, tiada kejadian malang menimpa pemandu dan penumpang kami.

"Kami difahamkan bas sama beroperasi pada sebelah pagi dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur sebelum ia ke Johor Bahru dan dalam perjalanan ke ibu kota, malam tadi (semalam)," katanya ketika ditemui di pekarangan Bilik Mayat, Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF), di sini, semalam.

Pengantungan operasi pelangganan terhadap Kod Amalan Keselamatan Industri (SPAD ICOP).

Muar

## Dakwa bas dipandu laju

Bas ekspres yang terbabit dalam nahas di Kilometer 137.3, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah utara, berhampiran Kampung Jayor, Pagoh, dekat sini, semalam didakwa dipandu laju sebelum 'terbang' menjunam di cerun dan melanggar benteng konkrit di bawahnya.

Saksi, Ahmad Fahmi Khairuddin, 19, berkata, bas berkenaan turut bergesel dengan tiang elektrik hingga mengeluarkan percikan api sebelum terjunam berhampiran Kampung Jayor.

"Saya nampak dengan

jelas bas itu 'terbang' lalu bergesel tiang elektrik dan terjunam melanggar benteng konkrit.

"Bunyi kejadian itu juga amat kuat...saya boleh ibaratkan kekuatannya lebih daripada tiga kali ganda bunyi tayar meletup," katanya yang ditemui di rumahnya, kira-kira 100 meter dari tempat kejadian.

Ahmad Fahmi yang juga pelajar Kolej Vokasional Kluang berkata, dia yang bercuti di rumah sedang bermain permainan Saidina bersama tiga rakan ketika nahas jam 3.25 pagi.

- BERNAMA

Muar

## Singapura beri kerjasama

Kementerian Luar Singapura menzahirkan rasa dukacita dengan tragedi kemalangan maut yang turut membabitkan warganya dalam kejadian pagi semalam.

Kementerian itu berkata, kerajaan Singapura akan bekerjasama dengan Johor dan pihak berkuasa di

sini, bagi memberi bantuan sewajarnya ke atas rakyat republik itu yang terjejas.

"Konsul Jeneral Singapura di Johor Bahru dan pegawai berkaitan turut berada di hospital bagi memantau rakyat republik itu yang terjejas," katanya dalam kenyataan, semalam.